

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, June 27, 2019 10:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Tersenarai Dalam THE Young University Rankings 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 JUN 2019 / 23 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media

UUM TERSENARAI DALAM THE YOUNG UNIVERSITY RANKINGS 2019



UUM ONLINE: Reputasi Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka terus gah di persada antarabangsa apabila julung kali disenaraikan di kedudukan 201-250 dalam Times Higher Education (THE) Young University Rankings 2019 yang diumumkan, semalam.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, UUM sekali lagi melakar sejarah tersendiri dengan pencapaian terbaru itu apabila disenaraikan dalam THE Young University Rankings.

Menurutnya, kejayaan demi kejayaan yang dikecapi merupakan satu sejarah buat UUM dan warga universiti harus merasa bangga kerana menjadi sebahagian daripada pencapaian tersebut.

"UUM sudah berusia 35 tahun dan pelbagai pencapaian telah dicapai sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa dan kejayaan ini sudah tentu membanggakan seluruh warga UUM kerana sukar untuk mendapat tempat dalam senarai universiti terbaik dunia kerana ia melibatkan reputasi universiti dalam pelbagai aspek.

"Sehubungan itu, penyenaian UUM dalam THE Young University Rankings 2019 sebagai universiti di bawah usia 50 tahun adalah sesuatu yang amat mengagumkan," katanya.

Naib Canselor berkata, beliau berharap warga universiti terus berusaha untuk menjayakan agenda universiti yang lain kerana masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan untuk meletakkan UUM sebaris dengan universiti-universiti ternama dunia.

THE Young University Rankings menguna pakai lima indikator dalam memberi penarafan kepada universiti global iaitu pengajaran (persekitaran pembelajaran), penyelidikan (jumlah, pendapatan dan reputasi), sitasi (pengaruh penyelidikan), pandangan antarabangsa (staf, pelajar dan penyelidikan) dan pendapatan industri (pemindahan pengetahuan).

Ranking 2019 ini turut melibatkan 351 universiti seluruh dunia, meningkat dari 250 pada 2018.

Keputusan penuh boleh dilihat menerusi <https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings/2019/young-university-rankings>



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.